Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبر نخودا

BIL: 16/19 SYAWWAL 1435H/15 OGOS 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

AGAMA ADALAH NASIHAT

عَنْ أَبِي رُقَيَّةَ تَمِيمِ بْنِ أَوْسٍ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

اَلدِّيْنُ النَّصِيْحَةُ، قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُوْلِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِيْنَ وَعَامَّتِهِمْ (رواه مسلم)

Dari Abu Ruqayyah Tamim bin Ausin Ad-Dari Radhiyallahu 'Anhu bahawasanya Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: "Agama itu adalah nasihat." Kami berkata: "Bagi siapa?" Baginda bersabda: "Bagi Allah dan bagi KitabNya dan bagi RasulNya dan bagi Para Imam Ummat Muslimin dan bagi orang awam mereka." [Diriwayatkan oleh Imam Muslim]

KETERANGAN

Agama Islam adalah terletak pada nasihat kerana ia mengandungi peringatan berkenaan keimanan dan ketaatan kepada Allah dan kepada RasulNya serta beramal dengan KitabNya dan Sunnah RasulNya. Nasihat mengandungi maksud supaya ysng dinasihatkan mendapat keuntungan dan faedah. Orang yang memberi nasihat adalah bermaksud untuk memberi kebaikan kepada orang yang dinasihatinya. Orang yang memberi nasihat juga hendaklah menggunakan kata-kata yang sudah dipilih dan telah diperhalusi serta ikhlas dan bersih dari sebarang maksud yang tidak baik.

Maksud nasihat bagi Allah ialah beriman kepadaNya menurut pengertian yang sebenarnya serta menghapuskan sama sekali sebarang sifat dan bentuk penyekutuan bagiNya dalam I'tiqad dan 'Ibadat serta beramal menurut apa yang telah diperintahkanNya, meninggalkan segala apa yang dilarangNya, mengingati kebesaranNya mengatasi segala kebesaran, mensyukuri nikmatNya yang tak terhitung banyaknya serta tak ternilai hikmahNya dan dengan menggunakan segala nikmat kurniaanNya pada jalan kebaikan dan sejahtera.

Maksud nsihat bagi KitabNya ialah beriman kepada kebenaranNya yang terkandung di dalam KitabNya dengan beramal mengikut petunjuk dan pengajaranNya. KitabNya ialah perkataanNya yang diwahyukan kepada RasulNya, yang tidak sama dengan perkataan manusia dan tidak dapat ditiru sepertinya oleh sesiapa pun, memuliakannya serta membesarkan kehormatannya dengan memandang keutamaannya mengatasi segala kitab, membaca ayat-ayatnya dengan cara yang betul, dengan memahami ertinya serta mencari rahsia dan hukumnya, mendalami ilmu pengetahuannya, memerhatikan serta melaksanakan hukumnya dan menyesuaikan diri dengan pengajarannya dan yakin bahawa KitabNya adalah pedoman hidup untuk selama-lamanya di segala tempat dan zaman.

Maksud nasihat bagi RasulNya ialah membenarkan Kerasulannya, mempercayai apa yang dibawanya, mematuhi suruhan dan larangannya, membela Agamanya, memusuhi sesiapa yang melawannya, mencintai sesiapa yang mencintainya, menghidupkan perjalanan dan Sunnahnya pada diri sendiri dan dalam masyarakat. Maksud nasihat bagi Para Imam Ummat Muslimin ialah menolong raja-raja, 'Ulama-'ulama dan ketua-ketua pemerintahan Islam dalam perkara kebenaran dan keadilan, patuh kepada mereka dalam urusan kebaikan, tegur mereka dengan cara yang sopan dan peringati mereka di kala mereka terlalai dari kewajiban, dan tidak menghasut orang ramai supaya keluar dari barisan ketaatan yang membawa kepada kekacauan. Maksud nasihat kepada orang awam ialah orang ramai dari kalangan Ummat Muslimin dengan memimpin mereka ke jalan yang benar, mengawasi mereka dari jalan yang salah, mengajar mereka, belajar dari mereka, bertolong-tolongan di antara mereka dalam perkara kebaikan dan Taqwa, saling hormat-menghormati, cinta-mencintai, bersama-sama menjaga kemushlahatan hidup dengan menjauhi sifat-sifat yang membangkitkan fitnah dan permusuhan dan memahami setiap individu Muslim di dalam masyarakat kerana tidak akan ada masyarakat Muslimin tanpa adanya individu Muslim.

Ghazwah Perang Uhud

Peperangan Ghazwah Uhud berlaku pada pertengahan bulan Syawwal 15 atau 17, tahun ke-3 Hijrah. Pihak Kafir Quraisy begitu bernafsu ingin membalas dendam atas kekalahan Ghazwah Badar Al-Kubra setahun sebelum itu setelah kedudukan mereka tercemar di serata Semenanjung Arab. Dinamakan Perang Uhud kerana peperangan ini berlaku di sebuah tempat yang dinamakan Uhud dan dikelilingi dengan Bukit Uhud.

Pada peringkat pertama, tentera Islam mencapai kemenangan. Tetapi, akibat dari sikap kumpulan pemanah tentera Islam yang melanggar perintah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam supaya tidak meninggalkan kedudukan masing-masing walau apa pun berlaku, maka tentera Islam akhirnya ditewaskan. Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah memerintahkan tentera pemanah Islam supaya tidak meninggalkan kedudukan masing-masing walau apa pun yang berlaku, namun disebabkan terpedaya dengan banyaknya harta rampasan perang, maka mereka membelakangkan arahan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam dan meninggalkan kedudukan mereka di atas bukit untuk turun mengutip harta rampasan perang. Pasukan pemanah Islam melanggar perintah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam selepas yakin mencapai kemenangan dan ingin memungut harta rampasan perang yang ditinggalkan oleh pihak musuh. Maka tentera Kafir Quraisy yang dipimpin oleh Khalid Ibnu Walid yang ketika itu belum memeluk Islam, telah mengambil peluang itu dengan berpatah balik lalu mengambil posisi tentera pemanah Islam yang ditinggalkan dan mula melakukan serangan mengejut sehingga berlakunya kekalutan dengan menghujankan panah kepada tentera Islam yang sedang leka mengumpulkan harta rampasan perang. Pada peringkat kedua ini, kacau bilau telah berlaku di pihak tentera Islam tatkala menerima ujian apabila 70 orang Para Shahabat telah Syahid termasuklah Sayyidina Hamzah 'Abdul Muthallib bapa saudara Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang digelar Asaadullah yang bermakna Singa Allah. Hal ini ditambah dengan serangan saraf tersebar khabar kononnya Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah wafat. Akhirnya, ada Shahabat yang telah terpandang Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam masih sedang berjuang, lalu dia melaungkan keadaan sebenar sehingga membangkitkan semula semangat juang tentera Islam. Segera Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam menyusun semula tentera Islam dan berjaya menyekat kemaraan tentera Kafir Quraisy. Baginda bersama 30 tentera Islam menuju ke suatu teluk di Bukit Uhud untuk mengatur perancangan perang yang baru. Pada peringkat ketiga, tentera Islam dapat bertahan apabila tentera Kafir yang tidak berpuas hati kerana gagal membunuh Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam, mengatur langkah menyerang Madinah. Bagaimanapun, mereka tidak meneruskan perancangan itu apabila mengetahui Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersiap untuk menyerang balas.

Peperangan Uhud memberikan tamparan yang hebat dan pengajaran yang amat bernilai bagi Ummat Islam bagaimana kemenangan bertukar kekalahan di saat tak sepatutnya kalah. Pengajaran kepada Para Shahabat dan Ummat Islam keseluruhannya bahawa kita perlulah sangat taat setia kepada Allah dan Rasul, tidak cukup hanya dengan beriman percaya sahaja. Kekalahan pada peringkat kedua berlaku akibat dari pelanggaran perintah Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam selaku pemimpin, serta rasa terlalu seronok dengan harta rampasan perang sehingga kurangnya pertautan hati dengan Allah. Ummat Islam yang mendapat kemenangan besar pada awalnya tetapi telah bertukar menjadi kacau-bilau apabila ditewaskan oleh tentera Quraiysh yang menyerang dengan sekelip mata. Ghazwah Uhud adalah peperangan dan kemenangan ke atas jiwa serta Tarbiyah kepada kelompok Mukmin supaya dengar dan taat pada arahan pimpinan tertinggi terutama di saat-saat genting. Terbukti dengan jelas di dalam Ghazwah ini betapa pengorbanan Para Shahabat dan kecintaan mereka yang begitu mendalam terhadap Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam.

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

‘AQIDAH BERKENAAN TANZIH KULLI

Allah Ta’ala telah berfirman pada Surah Asy-Syura ayat 11:

فَاطِرُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ أَزْوَٰجًا ۖ يَذْرَؤُكُمْ فِيهِ ۚ لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ

“Dialah yang menciptakan langit dan bumi, Dia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri dan menjadikan dari jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan bagi binatang-binatang itu, dengan jalan yang demikian dikembangkanNya zuriat keturunan kamu semua; Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan ZatNya, Shifat-shifatNya dan pentadbiranNya, dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Ayat ini menjelaskan pembicaraan berkenaan Tanzih yang bererti mensucikan Allah dari sebarang penyerupaan dengan makhluk dengan ***Tanzih Kulli*** yakni pensucian yang total dari menyerupai makhluk. Maknanya sangat luas dan apa yang dapat difahami daripada ayat tersebut bahawa Allah adalah Maha Suci dari berupa benda, Maha Suci dari berada pada satu arah atau banyak arah atau semua arah. Allah Maha Suci dari berada di atas ‘Arasy, di bawah ‘Arasy, di sebelah kanan atau sebelah kiri ‘Arasy. Allah juga Maha Suci dari sifat-sifat benda seperti bergerak, diam, berubah, berpindah dari satu keadaan ke suatu keadaan lain dan Maha Suci dari segala sifat-sifat benda yang lain. Imam Abu Hanifah Rahmatullah ‘Alaih berkata: *“Mustahil Allah menyerupai makhluqNya”*. Maka, Allah tidaklah menyerupai makhluqNya dari satu segi mahupun semua segi. Imam Baihaqi Rahimahullah meriwayatkan bahawa Imam Malik Rahmatullah ‘Alaih telah berkata: *“Al-Kayf, kebagaimanaan sifat-sifat benda adalah mustahil bagi Allah”*. Maksud perkataan ini adalah bahawa Allah Maha Suci dari kebagaimanaan ***Al-Kayf*** yang bersifat makhluq sama sekali.

Al-Kayf adalah segala sesuatu yang merupakan sifat makhluq seperti duduk, bersemayam, berada di atas sesuatu dengan jarak dan sebagainya. Justeru, Allah Ta’ala yang menciptakan alam ini dengan berbagai jenis dan bentuknya, maka Dia tidak menyerupainya dari satu segi mahupun semua segi. Allah tidak menyerupai sesuatu pun dari segala sesuatu yang diciptakanNya. Allah tidak menyerupai benda Katsif yang dapat dipegang dengan tangan seperti tanah, air, api dan angin, dan Dia juga tidak menyerupai benda Lathif yang tidak dapat dipegang dengan tangan seperti cahaya, kegelapan, ruh dan udara kerana masing-masing benda tersebut memiliki batas, had, ukuran dan bentuk yang tertentu, sebagaimana firmanNya pada ayat 8 Surah Ar-Ra’ad:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَىْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ

“Allah mengetahui akan apa yang dikandung oleh tiap-tiap ibu dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau yang lebih, dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu.”

TOKOH ISLAM

IMAM AHMAD IBNI HAMBAL

Nama kuniyah beliau Abu ‘Abdillah, namanya Ahmad bin Muhammad bin Hambal bin Hilal bin Asad Al-Marwazi Al-Baghdadi. Ayah beliau seorang komandan pasukan tentera di Khurasan di bawah kendalian Dinasti Khilafah ‘Abbasiyyah. Beliau dilahirkan di kota Baghdad pada bulan Rabi’u Awwal 164H dan dibesarkan di bawah asuhan kasih saying ibunya kerana bapanya telah meninggal dunia ketika beliau berusia 3 tahun. Meskipun sebagai anak yatim, namun ibnunya tetap sabar memberikan perhatian terhadap pendidikan sehingga beliau menjadi anak yang sangat cinta kepada ilmu dan Para ‘Ulama dengan kerap menghadiri majlis ilmu di kota kelahirannya.

Beliau telah menghafal dan menguasai Al-Quran ketika berusia 15 tahun dan mahir membaca dan menulis dengan sempurna sehingga terkenal sebagai orang yang tercantik tulisannya, kemudian beliau mula memberikan penumpuan mempelajari Ilmu Hadits di awal usia 15 tahun. Beliau tidak terlalu tinggi juga tidak terlalu pendek, wajahnya tampan, di janggutnya masih ada yang hitam. Beliau senang berpakaian tebal, berwarna putih dan berserban serta memakai kain. Kulitnya berwarna coklat sawo matang.

Beliau menikah ketika berusia 40 tahun dan mendapatkan keberkahan yang melimpah dengan kelahiran anak-anak Shalih yang mewarisi ilmunya seperti ‘Abdullah dan Shalih yang mana kedua-dua puteranya banyak meriwayatkan ilmu daripada beliau. Puteranya, Shalih bin Ahmad mengatakan, “Ayahku pernah bercerita: Husyaim meninggal dunia saat saya berusia 20 tahun, kala itu saya telah hafal apa yang saya dengar daripadanya.”

Abu Ja’afar mengatakan, “Ahmad bin Hambal manusia yang sangat pemalu, sangat mulia dan sangat baik pergaulannya serta adabnya, banyak berfikir, tidak terdengar darinya kecuali Muzakarah Hadits dan menyebut orang-orang Shalih dengan penuh hormat dan tenang serta dengan ungkapan yang indah. Bila berjumpa dengan manusia, maka dia sangat ceria dan menghadapkan wajahnya kepadanya. Beliau sangat rendah hati terhadap guru-gurunya serta menghormatinya.”

Imam Asy-Syafi’i berkata, “Ahmad bin Hambal adalah Imam dalam lapan hal: Imam dalam Hadits, Imam dalam Fiqh, Imam dalam Lughah, Imam dalam Al-Quran, Imam dalam kefaqiran, Imam dalam kezuhudan, Imam dalam Wara’ dan Imam dalam Sunnah.” Ibrahim Al-Harbi memujinya dengan berkata, “Saya melihat Abu ‘Abdillah Ahmad bin Hambal seolah-olah Allah gabungkan padanya ilmu orang-orang terdahulu dan orang-orang belakangan dari berbagai disiplin ilmu.”

‘Abdullah bin Ahmad berkata, “Bapaku mengerjakan Shalat dalam sehari semalam 300 rakaat, setelah beliau sakit dan tidak mampu mengerjakan Shalat seperti itu, beliau mengerjakan Shalat 150 rakaat.” Beliau hidup di zaman Khalifah Al-Ma’mun, ketika golongan Jahmiyyah berhasil menjadikan faham Jahmiyyah sebagai ajaran rasmi Negara, di antara ajarannya adalah mengatakan bahawa Al-Quran adalah makhluq. Penguasa telah memaksa seluruh rakyatnya untuk mengatakan Al-Quran sebagai makhluk terutama Para ‘Ulamanya.


Setelah sakit selama sembilan hari, beliau menghembuskan nafas terakhirnya di pagi Jumaat 12 Rabi’ul Awwal 241H pada usia 77 tahun. Karyanya yang paling agung dan menakjubkan adalah Kitab Al-Musnad kerana memuatkan lebih 27000 Hadits.

Puisi Cinta Jalalluddin Rumi

Di mana saja dikau berada, walau apa pun jua keadaanmu,
Cubalah menjadi seorang pencinta yang sentiasa dimabukkan oleh CintaNya,
Seandainya sekali dikau dapat merasa dikuasai oleh CintaNya,
Maka dikau akan hidup menjadi pencinta yang hidup bagaikan dalam pusara,
Dan dikau akan tetap hidup hingga Hari Kebangkitan itu tiba,
Lantas dikau pun akan dibawa ke dalam Syurga dan hidup kekal selamanya,
Namun, jika dikau masih belum menjadi seorang pencinta,
Maka di hari Pembalasan, seluruh pahalamu tidak akan diperhitungkanNya.
Pada Hari Kebangkitan, orang ramai akan berjalan sempoyongan,
Di hadapanMu, mereka akan menggigil dengan wajah pucat kerana ketakutannya,
Maka daku akan memeluk CintaMu dan berkata kepada mereka,
“Mintalah walau segala apa pun, mintalah walau segalanya atas namaku jua.”

-Bihurmati Hadhrat Maulana Jalalluddin Muhammad Ar-Rumi Rahmatullah ‘Alaih

SIRI PEDANG RASULULLAH SHALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM



AL-MAATSUR

Pedang yang dimiliki oleh Nabi Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam sejak muda sebelum menerima wahyu pertama di Makkah. Pedang ini dipusakai daripada ayahandanya dan sentiasa berada di tangan Baginda sama ada ketika berada di makkah mahupun ketika berhijrah ke Madinah.

Pedang ini juga dikenali sebagai **“Maatsur Al-Fijar”** kerana dikatakan Baginda telah menggunakannya buat pertama kali pada peperangan Fijar di zaman Jahiliyyah ketika Baginda berusia 15 tahun, mengikut bapa saudaranya Abu Thalib. Baginda juga telah menggunakan pedang ini dalam kebanyakan peperangan. Panjang pedang 99cm dan panjang sarungnya 85cm. Pemegangnya diperbuat daripada emas dengan bentuk berupa ular dengan dihiasi batu-batu hiasan Delima dan Firuz yang berbentuk seperti bunga bunga. Pedang ini bermata dua dan hujungnya runcing untuk menikam. Berdekatan dengan pemegangnya terdapat sedikit emas dan tulisan kaligrafi Kufi **“’Abdullah bin ‘Abdul Muthalib”** iaitu nama ayahanda Baginda Nabi. Pemegang dan sarung asalnya diperbuat daripada kayu, namun rosak dimakan zaman, maka ia diperbaiki kembali pada abad ke-10 Hijrah bersamaan ke-16 Masihi dengan dilapisi kulit binatang.

Menurut riwayat, Baginda pernah menghunuskan pedang Al-Maatsur ini ketika hari pernikahan puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra dengan ‘Ali bin Abi Thalib sambil dikelilingi oleh Bani Hasyim yang juga memegang pedang masing-masing. Dikatakan pedang ini telah Baginda serahkan kepada ‘Ali bin Abi Thalib. Pedang ini sangat dimuliakan oleh Para Khalifah ‘Utsmaniyyah. Sekarang pedang ini disimpan di Muzium Topkapi, Istanbul, Turki.